



PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN



KOD QR
BULETIN PPANS
Bil. 3/2025

September - Disember BIL : 3 / 2025 ISSN : 2232-1454

PPANS

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



IDEA, KONSEP ASAL & SUSUNAN : PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan www.nslibrary.gov.my ppans@ns.gov.my Perpustakaan Negeri

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
JALAN PERSIARAN S2 B2, SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

Tel : 06-7635989 / 06-7621308 Fax : 06-7635944

SIDANG EDITORIAL PPANS

PENAUNG

YB DATO' MOHD ZAFIR BIN IBRAHIM
Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
Merangkap Pengerusi Perbadanan
Perpustakaan Awam Negeri Sembilan
Darul Khusus

PENASIHAT

HAMDAN BIN HAJI NORDIN
Pengarah Perbadanan Perpustakaan
Awam Negeri Sembilan Darul Khusus

KETUA PENGARANG

MOHD RIZWAN BIN MUHAMMAD
YUSOF
Penolong Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan Darul Khusus

PENOLONG KETUA PENGARANG

ZAINUDIN BIN ZAILAN
Ketua Unit Korporat, PPANS

GRUP BULETIN PPANS

Unit Korporat
Unit Gerakan Membaca
Unit Perolehan
Unit Media
Unit Teknologi & Komunikasi
Bahagian Pelanggan

PENGEDARAN & PROMOSI

YUSRIZAL BIN ANI
Unit Korporat, PPANS

REKA BENTUK DAN PERCETAKAN

PERCETAKAN CAHAYA MURNI

JURUFOTO

UNIT MEDIA PPANS

DITERBITKAN OLEH

UNIT KORPORAT
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

KANDUNGAN

- 2 SIDANG EDITORIAL
- 3 TINTA PENGARAH
- 4 LENSA PENGARAH
- 5 MAULIDUR RASUL 1447H & LITERASI
MAKLUMAT PPANS BERSAMA IPGKRM
- 6 AUDIT PPANS & INSPIRASI PERPUSTAKAAN
KOMUNITI
- 7 PESTA BUKU MELAKA, ERAT KASIH PPANS
& EXPLORACE NEGERI SEMBILAN
- 8 SEMINAR KOLEKSI TEMPATAN & HARI
SUKAN NEGARA PPANS
- 9 MAJLIS APRESIASI MINGGU INOVASI
NEGERI SEMBILAN & KARNIVAL TVET
NEGERI SEMBILAN
- 10 MEMADANIKAN PERPUSTAKAAN,
MELESTARIKAN PERPADUAN & HARI
INTEGRITI
- 11 WARGA KERJA BERINTEGRITI,
ORGANISASI BERPRESTASI & MAJLIS
SEKALUNG BUDI, SETULUS
PENGHARGAAN
- 12 MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN
KESUKA & PAMERAN PESTA BUKU
ANTARABANGSA SELANGOR 2025
- 13 PROGRAM SENTUHAN KOMUNITI BESTARI
& PENYERAHAN CASA LIBRO
DI PEJABAT MENTERI BESAR NEGERI
SEMBILAN
- 14 PERPUSTAKAAN SEBAGAI RUANG ILMU,
MEDAN KREATIVITI &
PENYERAHAN PROJEK KAMPUNG ANGKAT
MADANI
- 15-16 WAGHIH MEMBACA
- 17-18 PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT
- 19 JENDELA BUKU
- 20 DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM
CAWANGAN & PERPUSTAKAAN DESA

PENGARAH PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI SEMBILAN

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Salam Malaysia MADANI,

Salam Negeri Sembilan,

Bersih. Muafakat. Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah SWT kerana diberikan kesempatan menulis kata alu-aluan khas untuk Buletin PPANS Bil. 3/2025 ini. Sekalung tahniah diucapkan kepada barisan sidang redaksi kerana berjaya menerbitkan Buletin PPANS. Objektif Buletin PPANS ini dikeluarkan adalah bertujuan bagi mendokumenkan semua program dan aktiviti yang dijalankan oleh PPANS sepanjang tahun sekali gus mempromosikan kemudahan dan program PPANS kepada masyarakat.

Saya juga merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan atas kerjasama serta komitmen semua atas cetusan minda dalam merencana idea penerbitan buletin PPANS kali ini sehingga berjaya. Penerbitan ini menjadi instrument untuk merekod dan menyebarkan aktiviti jabatan di samping menjadi rujukan pelbagai agensi terhadap program serta tentang maklumat terkini perkhidmatan di PPANS.



Hamdan bin Haji Nordin
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam
Negeri Sembilan



4 SEPTEMBER 2025
KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH
PPANS KE PEJABAT KEWANGAN
NEGERI, NEGERI SEMBILAN



10 SEPTEMBER 2025
MAJLIS PENUTUPAN RASMI PROGRAM
MELEWAR INFORMATION LITERACY
CHALLENGE (MILC) 2025 DI IPGKRM
KAMPUS RAJA MELEWAR, SIKAMAT



23 SEPTEMBER 2025
LAWATAN PENANDAARASAN
PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN
KOMUNITI KE PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR



25 SEPTEMBER 2025
MAJLIS PERASMIAN
PESTA BUKU MELAKA 2025
DI THE SHORE SHOPPING GALLERY,
MELAKA



30 SEPTEMBER 2025
MAJLIS PERASMIAN
PESTA BUKU SARAWAK 2025
DI THE HILLS, KUCHING



21 OKTOBER 2025
KUNJUNGAN HORMAT PPANS KEPADA
YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
SEMBILAN
DI WISMA NEGERI, SEREMBAN



22 OKTOBER 2025
PERTANDINGAN EXPLORACE
PERKHIDMATAN AWAM
SEMPENA MINGGU INOVASI
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN
2025 DI DAERAH JELEBU



30 OKTOBER 2025
MAJLIS PERASMIAN SEMINAR
MEMARTABATKAN KOLEKSI TEMPATAN:
MEMBANGUN PEMULIHARAAN, AKSES
DAN MASA DEPAN DI ARENA PREMIER
HOTEL, SEREMBAN



1 NOVEMBER 2025
HARI SUKAN NEGARA PERBADANAN
PERPUSTAKAAN AWAM NEGERI
SEMBILAN 2025 DI MARSHA AND THE
BEARLAND OF LAUGHTER PEDAS,
REMBAU



4 NOVEMBER 2025
MAJLIS APRESIASI INOVASI
PERINGKAT NEGERI SEMBILAN TAHUN
2025 DI ROYALE CHULAN, SEREMBAN



5 NOVEMBER 2025
MESYUARAT PENUTUP PENGAUDITAN
PENYATA KEWANGAN PPANS
DI PERPUSTAKAAN NEGERI,
SEREMBAN 2



9 NOVEMBER 2025
MESYUARAT MAJLIS
PENGARAH-PENGARAH
PERPUSTAKAAN AWAM SE-MALAYSIA
(MPAM) BIL. 3/2025
DI IMPIANA HOTEL, IPOH, PERAK



12 NOVEMBER 2025
PROGRAM MEMADANIKAN
PERPUSTAKAAN, MELESTARIKAN
PERPADUAN DI PERPUSTAKAAN
AWAM PORT DICKSON



24 NOVEMBER 2025
PERHIMPUNAN WARGA KERJA BIL.
2/2025 DAN MAJLIS IKRAR BEBAS
RASUAH WARGA KERJA PPANS
DI PERPUSTAKAAN NEGERI,
SEREMBAN 2



30 NOVEMBER 2025
MAJLIS MAKAN MALAM
PENGHARGAAN PPANS
DI EAGLE RANCH RESORT,
PORT DICKSON



6 DISEMBER 2025
PROGRAM SENTUHAN KOMUNITI
BESTARI 2025
DI PERPUSTAKAAN DESA TAMAN
INTAN PERDANA, PORT DICKSON



10 DISEMBER 2025
PENYERAHAN RUMAH BUKU (CASA
LIBRO) DI PEJABAT MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN



20 DISEMBER 2025
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
KAMPUNG ANGKAT MADANI DI
PENGKALAN NELAYAN KAMPUNG
SUNGAI TIMUN, TEMBAU

"MEMBANGUN UMMAH MADANI" TEMA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 1447H

5 September 2025 – Ribuan umat Islam di seluruh negara menzahirkan rasa kasih dan rindu kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW dengan menyertai perarakan sambil mengalunkan selawat sempena sambutan Maulidur Rasul 1447H/2025M. Dengan mengangkat tema "Membangun Ummah Madani", penganjuran majlis di negeri-negeri diserikan dengan penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta dan NGO.

Duli Yang Maha Mulia, Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir dan Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani binti Almarhum Tengku Besar Mahmud mencemar duli berangkat ke Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Sembilan Tahun 1444 Hijrah bersamaan 2025 Masihi di Padang Majlis Bandaraya Seremban Baginda bertitah dan merasmikan majlis tersebut. Turut bersama anakanda YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz. Perarakan kali ini disertai oleh 70 kontinjen melibatkan hampir 4000 peserta terdiri dari agensi kerajaan, swasta, IPTA, IPTS, sekolah dan NGO. Tidak ketinggalan golongan kurang upaya (OKU) dan masyarakat Orang Asli Islam Negeri Sembilan serta masyarakat awam hadir bersama-sama keluarga memeriahkan Majlis Sambutan Maulidur Rasul pada tahun ini. Warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) turut sama mengikuti perarakan yang diketuai oleh Encik Zainuddin bin Zailan.



LITERASI MAKLUMAT UNTUK MASA DEPAN: PPANS & IPGKRM

10 September 2025 – Pusat Sumber Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kampus Raja Melewar dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah menganjurkan Program Melewar Information Literacy Challenge (MILC) 2025. Program ini bertujuan memberi peluang kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran dalam pencarian maklumat yang tepat, sahih dan relevan bagi tujuan pembelajaran.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan antaranya Smart Search, Fact or Fake, Poster Literasi Kreatif dan lain-lain yang sahaja mengasah kreativiti dan pemikiran kritis malah dapat membentuk pelajar yang celik maklumat dan mampu menilai kesahihan sesuatu sumber.

Majlis penutupan rasmi program ini telah disempurnakan oleh YBrs. Dr. Mohd Nordin bin Abu Bakar, Pengarah IPGM Kampus Raja Melewar. Turut hadir memeriahkan majlis ialah YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS bersama pegawai-pegawai iringan PPANS yang sentiasa komited dalam usaha memperkukuh budaya literasi maklumat dalam kalangan pelajar.



TINGKATKAN TADBIR URUS:SESI MAKLUM BALAS AUDIT PPANS 2024

11 September 2025 – Sebuah perbincangan mengenai maklum balas pemerhatian audit terhadap pengauditan muktamad penyata kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 telah diadakan.

Mesyuarat dipengerusikan oleh YBrs. Encik Mohd Iskandar bin Amran, Pengarah Audit Negeri, Negeri Sembilan. Turut hadir dalam sesi perbincangan ialah YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS bersama-sama pegawai daripada PPANS serta pegawai dari Jabatan Audit Negara Negeri Sembilan. Perbincangan diadakan bagi memberi penjelasan serta maklum balas terhadap pemerhatian audit yang telah dibuat oleh Jabatan Audit Negara di samping memastikan ketelusan dan keberkesanan pengurusan kewangan PPANS sentiasa terjamin. Sesi ini juga menjadi platform penting dalam memperkukuh kerjasama antara PPANS dengan pihak Jabatan Audit Negara, Negeri Sembilan bagi meningkatkan tahap kecekapan serta tadbir urus yang baik dalam pengurusan kewangan oleh PPANS.



PPANS JEJAK KEJAYAAN PPAS UNTUK INSPIRASI PERPUSTAKAAN KOMUNITI



23 September 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah mengadakan Lawatan Penandaarasan Pembangunan Perpustakaan Komuniti ke dua buah perpustakaan komuniti PPAS iaitu PPAS Kampung Lindungan dan PPAS @AYG Kota Damansara. Lawatan ini diadakan bagi meninjau pembangunan perpustakaan komuniti PPAS yang telah berjaya ditubuhkan oleh PPAS.

Tujuan utama lawatan ini adalah selaras dengan perancangan PPANS untuk membuka sebuah perpustakaan komuniti di Flat Sri Bandar Puan, Port Dickson sebagai pusat ilmu dan rujukan kepada masyarakat sekitar.

Lawatan ini diketuai oleh YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS dan turut disertai oleh YB Dr. Rajasekaran A/L Gunnasekaran, Ahli Dewan Negeri Undangan (ADUN) Sri Tanjung merangkap Ahli Lembaga PPANS. Ketibaan delegasi PPANS telah disambut oleh YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad, D.S.I.S., Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS).

PPANS mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada PPAS atas kesudian menerima kunjungan ini serta berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam usaha memartabatkan perpustakaan sebagai pusat ilmu dan rujukan masyarakat.



MAJLIS PERASMIAN PESTA BUKU MELAKA 2025

25 September 2025 – Pihak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perpustakaan Awam Melaka atas penganjuran Pesta Buku Melaka 2025 yang diadakan di The Shore Shopping Gallery, Melaka yang bermula 24–28 September 2025. Majlis Perasmian Pesta Buku Melaka 2025 telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Rosli Bin Abdullah, Timbalan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama yang mewakili YAB Ketua Menteri Melaka. Turut hadir dalam majlis, Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS bersama pegawaiiringan.



PROGRAM ERAT KASIH: MEMBINA JARINGAN KEBAJIKAN DAN HARMONI

13 Oktober 2025 – Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA) Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah menganjurkan Program Erat Kasih di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Program ini membuktikan bahawa semangat setiakawan dan integriti tidak hanya ditekankan melalui buku-buku di rak tetapi juga melalui perhimpunan santai yang penuh dengan ilmu dan ukhwah.

Ceramah Bicara Minda yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Muhammad Amir bin Abdullah, Ketua Unit Khidmat Nasihat Pejabat Agama Islam Daerah Jelebu turut menekankan kepentingan memupuk semangat kebersamaan dan integriti di tempat kerja. Dalam usaha memberikan nutrisi rohani kepada warga kerja, program ini dimulakan dengan tajuk "Bila Hati Bersyukur dan Berintegriti, Hidup Lebih Teratur,"



EXPLORACE PERKHIDMATAN AWAM: UJI KEPANTASAN DAN KERJASAMA JABATAN KERAJAAN DI NEGERI SEMBILAN

22 Oktober 2025 – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan (PSUKNS) dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS), Lembaga Muzium Negeri Sembilan, Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu, serta Majlis Daerah Jelebu telah menganjurkan Pertandingan Explorace. Sebanyak 32 buah pasukan dari pelbagai jabatan kerajaan negeri telah menyertainya

Program tahunan ini memupuk semangat kerjasama dan kreativiti peserta. Pelepasan peserta Explorace telah dilaksanakan oleh YBrs. Encik Abdul Rahim bin A. Aziz, Pegawai Daerah Jelebu bertempat di Wisma Majlis Daerah Jelebu. Manakala, YB Dato' Ir. Haji Bakri bin Sawir, ADUN Klawang telah bersama-sama dalam majlis penutup yang diiringi oleh Puan Khairolin binti Ismail, Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Unit Korporat dan Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS.



SEMINAR MEMARTABATKAN KOLEKSI TEMPATAN: MEMBANGUN PEMULIHARAAN, AKSES DAN MASA DEPAN

30 Oktober 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan julung-julung kalinya mengadakan Seminar "Memartabatkan Koleksi Tempatan: Membangun Pemuliharaan, Akses dan Masa Depan" di Arena Premier Hotel, Seremban. Seminar ini berjaya menghimpunkan Pustakawan dari pelbagai institusi perpustakaan, Penyelidik, Pengkaji dari badan kerajaan dan NGO. Perbincangan terhadap tiga aspek utama iaitu pemuliharaan, akses dan hala tuju masa depan koleksi tempatan. Para pembentang menekankan bahawa koleksi tempatan bukan sahaja menyimpan nilai warisan intelektual malah menjadi sumber penting bagi penyelidikan sejarah, budaya dan pembangunan masyarakat.

YBhg. Dr. Arwan bin Sabri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah diundang sebagai perasmii seminar diiringi sama YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Ucuptama seminar dimulakan oleh Profesor Ulung Datuk Dr. Amri Baharudin, dari Felo Akademi Sains Malaysia; Kursi UNESCO@UKM Pengarah Pengasas KITA. Para pembentang kertas kerja mempunyai latar belakang dan kepakaran yang hebat dalam bidang masing-masing iaitu Dr. Ghazali Mohamed Fadzil, Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia, Al-Bakri @ Ahmad, Pensyarah Kanan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Tuan Mohd Khairil Hisham, Kurator Galeri Diraja Tuanku Jaafar dan Encik Zahariz Khuzaimah, Pengengaruh Youtube. Para peserta juga turut berpeluang bertukar pandangan dan soal jawab bersama panel.



KESUKA PPANS ANJURKAN HARI SUKAN NEGARA 2025

1 November 2025 – Semangat kesukanan warga kerja Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) terus disemarakkan dengan aktiviti gaya hidup sihat menerusi penganjuran Hari Sukan Negara (HSN) 2025 berlangsung di Masha and The Bear Land of Laughter, Pedas. Objektifnya untuk memperkukuh amalan kecergasan serta memupuk semangat kesukanan dalam kalangan warga kerja perpustakaan. Program tahunan ini menghimpunkan seluruh kakitangan perpustakaan di Negeri Sembilan termasuk kakitangan Perpustakaan Negara Malaysia, Negeri Sembilan





TOSHOKAN PPANS CIPTA SEJARAH DI PENTAS KIK NEGERI 2025

4 November 2025 – Kumpulan Toshokan PPANS terus melakar kecemerlangan dengan mencipta sejarah apabila diumumkan sebagai Naib Johan di Pentas KIK Negeri 2025 bagi kategori Inovasi Sosial, Kumpulan Inovatif dalam Majlis Apresiasi Inovasi Peringkat Negeri Sembilan 2025 di Royale Chulan, Seremban. Terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Unit Korporat, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan kerana telah menguruskan pertandingan dengan lancar dan berjaya.

Hasil kejayaan ini merupakan kerjasama erat semua ahli Kumpulan Toshokan PPANS yang komited dalam melaksanakan kajian, analisis masalah serta pembangunan prototaip inovasi. Sokongan padu daripada pihak pengurusan PPANS turut menjadi pemangkin utama dalam memastikan projek dapat direalisasikan dengan keberkesanan.

YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan telah menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi kesemua pertandingan yang dilaksanakan sempena penganjuran Minggu Inovasi Peringkat Negeri Sembilan Tahun 2025.

KARNIVAL PROGRAM PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET) PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2025

5 & 6 November 2025 – Majlis Perasmian Karnival Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Peringkat Negeri Sembilan 2025 telah berlangsung dengan meriah di Dewan Majlis Bandaraya Seremban. Majlis perasmian ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Program yang diadakan selama dua hari bermula pada 5 hingga 6 November 2025 ini merupakan usaha memperkukuh dan mempromosikan bidang TVET sebagai pilihan kerjaya masa depan yang berdaya saing.

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) turut memainkan peranan penting dalam penganjuran ini apabila dilantik sebagai Jawatankuasa Media dan Publisiti dan juga gimik perasmian. Melalui penglibatan ini, PPANS membantu dalam penyebaran maklumat, promosi serta liputan sepanjang karnival



PROGRAM MEMADANIKAN PERPUSTAKAAN, MELESTARIKAN PERPADUAN

12 November 2025 – Perpustakaan Awam Cawangan Port Dickson telah menganjurkan Program Memadankan Perpustakaan, Melestarikan Perpaduan sebagai usaha memperkukuh peranan perpustakaan sebagai pusat komuniti inklusif yang menyemai keharmonian masyarakat majmuk. Program bermula jam 9.00 pagi ini melibatkan penyertaan penduduk setempat, agensi kerajaan, institusi pendidikan serta pertubuhan komuniti.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen PPANS dalam menyediakan ruang selamat dan kondusif yang menghubungkan masyarakat melalui aktiviti ilmiah, kreatif dan berorientasikan perpaduan. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Dr. Rajasekaran A/L Gunnasekaren, ADUN Sri Tanjung merangkap Ahli Lembaga PPANS.

Pelbagai aktiviti menarik telah dianjurkan termasuk pameran dan jualan buku, pertandingan Jejak Infomania, mewarna, gubahan tuala serta E-sukan FIFA, sekali gus memperkukuh fungsi perpustakaan sebagai platform penyatuan komuniti.



SAMBUTAN HARI INTEGRITI DAN HARI ANTI RASUAH ANTARABANGSA PERINGKAT PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

13 November 2025 – YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) bersama beberapa orang pegawai menghadiri Program Sambutan Hari Integriti dan Hari Anti Rasuah Antarabangsa Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Para hadirin telah diberi pendedahan mengenai integriti dan anti rasuah, kesedaran mengenai kesan daripada salah laku rasuah dan pelanggaran tatakelakuan serta menjalin kerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi untuk mempromosi teras integriti dan anti rasuah. Selain itu PPANS turut dijemput sebagai pempamer dalam program ini.



WARGA KERJA BERINTERGRITI, ORGANISASI BERPRESTASI

24 November 2025 – Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah mengadakan Perhimpunan Warga Kerja Bilangan 2/2025 di Perpustakaan Negeri, Seremban 2. Program ini bertujuan memperkukuh kesepaduan warga kerja serta memastikan penyampaian amanat organisasi berlangsung secara berkesan demi melaksanakan visi dan misi PPANS dengan lebih tuntas. Ucapan rasmi program telah disampaikan oleh YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS yang menekankan kepentingan budaya kerja berintegriti, profesionalisme dan kerjasama antara warga PPANS dalam memastikan perkhidmatan perpustakaan terus memberi impak positif kepada masyarakat.

Sebagai pelengkap program, ceramah integriti turut disampaikan oleh Puan Normaliza binti Jaafar, Penolong Kanan Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Sembilan yang bertajuk "Isu Rasuah dalam Perkhidmatan Awam." Pengisiannya memberikan kesedaran kepada warga kerja mengenai ancaman rasuah, kepentingan integriti serta tanggungjawab penjawat awam dalam mengekang salah guna kuasa. Majlis Menandatangani Dokumen Ikrar Bebas Rasuah (IBR) juga dilaksanakan yang mana dokumen IBR telah ditandatangani oleh Pengarah PPANS yang disaksikan oleh YBrs. Encik Mohd Adib bin Othman, Pemangku Penguasa SPRM Negeri Sembilan.



MAJLIS SEKALUNG BUDI, SETULUS PENGHARGAAN

24 November 2025 – Bagi mengenang jasa dan keringat serta khidmat bakti, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah mengadakan Majlis Persaraan bagi meraikan kakitangan yang bersara setelah menabur bakti berkhidmat di PPANS. Kakitangan yang diraikan adalah Puan Zaidah Ahamad yang telah berkhidmat sejak 16 Januari 2001. YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS yang telah menyampaikan ucapan dan cenderamata penghargaan kepada Puan Zaidah. Semoga persaraan ini dipenuhi dengan kebahagiaan dan kejayaan yang berpanjangan serta diberikan kesihatan yang baik dan berbahagia disamping keluarga tercinta.



MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN PPANS



30 November 2025 – Kelab Sukan dan Kebajikan (KESUKA) PPANS telah menganjurkan Majlis Makan Malam Penghargaan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) Tahun 2025 di Eagle Ranch Resort, Port Dickson.

Bertemakan "Denim on Cowboy", para hadirin tampil bergaya kreatif dengan gabungan busana denim dan koboi yang menyerlahkan suasana majlis seiring dengan dekorasi majlis berkonsepkan koboi.

Majlis diserikan dengan persembahan berkumpulan yang melibatkan warga kerja PPANS dan PNM seterusnya penyampaian pelbagai kategori anugerah kepada kakitangan PPANS dan PNM sebagai penghargaan terhadap kecemerlangan dan sumbangan mereka.

Acara kemuncak majlis dimeriahkan dengan cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai hadiah menarik. Hadir pada majlis tersebut. YB Dato' Haji Ismail bin Lasim, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pendidikan dan Modal Insan merangkap Timbalan Pengerusi PPANS. Turut hadir sama YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS.

PAMERAN PESTA BUKU ANTARABANGSA SELANGOR 2025

4 Disember 2025 – Pesta Buku Antarabangsa Selangor 2025 yang berlangsung dari 27 November hingga 7 Disember 2025 di Setia City Convention Centre, Setia Alam telah membuka tirainya dengan penuh meriah. Dalam penganjuran ini, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) turut memberi peluang kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) untuk menyertai pameran yang dianjurkan. Di ruwai PPANS, pelbagai pengisian menarik disediakan antaranya pameran buku-buku terbitan PPANS sendiri serta pengenalan dan demonstrasi pakaian serta makanan tradisional yang melambangkan identiti unik Negeri Sembilan kepada para pengunjung.



PROGRAM SENTUHAN KOMUNITI BESTARI 2025



6 Disember 2025 – Perpustakaan Desa Taman Intan Perdana, Port Dickson telah menganjurkan Program Sentuhan Komuniti Bestari 2025 bertempat di kawasan perpustakaan tersebut. Program bermula seawal jam 7.00 pagi dengan penganjuran acara Fun Walk, yang disertai oleh masyarakat setempat terdiri daripada pelbagai lapisan umur. Acara ini bukan sahaja menyemarakkan suasana awal pagi malah menggalakkan gaya hidup sihat. Majlis turut diserikan dengan kehadiran dan perasmian oleh YB Dr. Rajasekaran A/L Gunnasekaran, ADUN Sri Tanjung, Port Dickson merangkap Ahli Lembaga PPANS.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sepanjang program antaranya Pertandingan Masakan Lomak Cili Api, Fun Walk Terbuka, Pertandingan Bercerita Online, Pertandingan Mewarna Berkeluarga dan Pertandingan Trail of Knowledge. Kesemua aktiviti mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk setempat khususnya golongan keluarga dan remaja dalam usaha untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti perpustakaan. Selain itu, program turut mengadakan cabutan bertuah bagi menghargai kehadiran para peserta.

CASA LIBRO: HASRAT YAB MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN MELAHIRKAN MASYARAKAT BERILMU

10- Disember 2025 – YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan telah menyatakan hasrat untuk menempatkan Rumah Buku (Casa Libro) di Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan sebagai usaha memperkukuh budaya ilmu dalam kalangan warga pentadbiran negeri.

Sehubungan itu, kumpulan Toshokan telah mengadakan sesi penyerahan rasmi Casa Libro kepada YAB Menteri Besar Negeri Sembilan. Sokongan dan inisiatif ini dilihat sebagai satu langkah proaktif yang mampu memperluaskan akses kepada bahan bacaan serta menyemarakkan lagi budaya membaca dalam kalangan warga kerja kerajaan negeri serta pengunjung Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan.

Turut hadir, YBrs. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah PPANS yang sentiasa memberi sokongan penuh terhadap usaha dan pencapaian kumpulan Toshokan. Sokongan dan penempatan Casa Libro di Pejabat Menteri Besar Negeri Sembilan merupakan satu penghormatan besar bagi PPANS dan menjadi bukti bahawa usaha gigih serta kreativiti mampu memperkasakan budaya ilmu dalam kalangan rakyat Negeri Sembilan.



PERPUSTAKAAN SEBAGAI RUANG ILMU, MEDAN KREATIVITI

11 Disember 2025 – Seramai 37 orang murid dan 6 orang guru dari SK Undang Rembau telah mengadakan lawatan ke Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan. Lawatan ini dimulakan dengan sesi lawatan berpandu di sekitar perpustakaan untuk mengenali kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.

Para peserta turut diberi penerangan mengenai apa itu u-Pustaka, Koleksi Negeri Sembilan serta Koleksi Buku Merah yang menjadi antara bahan rujukan penting di perpustakaan. Selain itu, murid-murid juga berpeluang melihat dan mencuba buku *Braille* yang disediakan bagi tujuan pembelajaran inklusif.

Seterusnya, mereka mengikuti sesi penerangan mengenai penggunaan OPAC bagi mencari maklumat dan buku dengan lebih mudah. Lawatan ini turut diserikan dengan aktiviti bermain permainan tradisional Dam Harimau yang merupakan salah satu identiti Negeri Sembilan dan aktiviti "Up House" yang dihasilkan daripada bahan terbuang. Secara keseluruhannya, lawatan ini memberi pengalaman baharu dan bermanfaat kepada semua peserta.



MAJLIS PENYERAHAN PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI

20 Disember 2025 – YBr. Encik Hamdan bin Haji Nordin, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS) telah meluangkan masa menghadiri Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI yang berlangsung di Pangkalan Nelayan Sungai Timun, Rembau, Negeri Sembilan. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBr. Encik Edy Irwan bin Zulkafli, Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai simbol komitmen berterusan PNM dalam menyokong pembangunan komuniti setempat yang berteraskan aspirasi Malaysia MADANI.



GENERASI CELIK ILMU BERMULA DENGAN BUDAYA MEMBACA

Amalan budaya membaca bukan sahaja merupakan jambatan kepada ilmu malah mencerminkan tahap tamadun dan kemajuan sesebuah masyarakat. Maka, adalah tidak keterlaluan untuk menyatakan bahawa generasi celik ilmu sebenarnya bermula dengan budaya membaca yang kukuh dan berterusan itu. Oleh yang demikian, budaya ini sangat digalakkan agar terus diamalkan supaya tidak pupus.



GENERASI CELIK ILMU BERMULA DENGAN BUDAYA MEMBACA

Peranan ibu bapa dalam memastikan pendidikan anak-anak dapat dijaga dengan baik perlu dipertingkatkan. Antara beberapa kaedah untuk memastikan anak-anak sentiasa cintakan ilmu ialah dengan mendedahkan mereka dengan bahan bacaan yang memberikan nasihat dan hikmah untuk dijadikan pedoman hidup. Selain itu, ibu bapa jugalah perlu menunjukkan minat terhadap membaca terlebih dahulu seperti membuat perpustakaan mini atau sudut bacaan buku di rumah. Persekitaran yang baik dan bersesuaian membuatkan minat generasi anak-anak kita terhadap aktiviti membaca lebih menarik perhatian.

Selain itu, peranan guru-guru di sekolah juga amat penting untuk memastikan budaya membaca terus berkembang. Jangan terlalu bergantung kepada perpustakaan di sekolah semata-mata tetapi guru yang perlu menggerakkan beberapa usaha seperti mengadakan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) dan berkolaborasi dengan perpustakaan dan mana-mana institusi yang menawarkan perkhidmatan pelbagai bidang dan kemahiran bersesuaian dengan anak-anak.



PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



11 SEPTEMBER 2025

Menghadiri Majlis Makan Malam dan Perasmian Penutup Karnival Seni dan Sukan Asrama Sekolah Harian Peringkat Kebangsaan 2025 di Dewan Tan Yiew Sing Multipurpose Hall INTI, Nilai.



17 SEPTEMBER 2025

Program Pelepasan Kontinjen JPS Negeri Sembilan ke Karnival Sukan MAKSAK JPS Malaysia 2025 di Kediaman Rasmi Menteri Besar Negeri Sembilan.



10 OKTOBER 2025

Merasmikan Perpatih Fest di Muzium Negeri Seremban, Negeri Sembilan



24 OKTOBER 2025

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) di Wisma Negeri, Seremban.

PEMIMPIN BERSAMA RAKYAT



11 NOVEMBER 2025

Melancarkan Taman Perindustrian Eco Business Park 7 (EBP7) di Parcel C, Malaysia Vision Valley 2.0 (MVV 2.0)



28 NOVEMBER 2025

Majlis Penyampaian Anugerah Siswazah Cemerlang Kelas Pertama Negeri Sembilan Bil.3/2025 di Klana Resort, Seremban



6 DISEMBER 2025

Menghadiri Majlis Makan Malam Sempena Peluncuran Tabung Amanah Pendidikan Yayasan Undang Johol yang berlangsung di Klana Resort, Seremban bersama Yang Teramat Mulia Undang Luak Johol.



12-14 DISEMBER 2025

Program Pembinaan Karakter Bangsa Malaysia Pelajar Tingkatan Enam Negeri Semi Tahun 2026 di Klana Resort, Seremban.

JENDELA BUKU

No Panggilan: 297.57 MUZ


Bahagian: Pinjaman

Harga: RM 35.00

Penerbit: PTS PUBLICATION

Muka Surat: 212 Muka Surat

Penulis: : USTAZAH MUZAYYANAH ABDULLAH ALFIAH



Ustazah Muzayyanah Abdullah
Alfiah Berkah

Kerana Mereka Aku Melihat Dunia adalah sebuah dedikasi jiwa kepada insan pertama yang memperkenalkan kita kepada dunia – ibu dan ayah.

Dalam kesibukan dunia dan tuntutan kehidupan, ramai yang terlupa bahawa syurga itu masih terletak di bawah telapak kaki mereka. Buku ini mengajak kita menyelami kisah sebenar perjuangan seorang anak dalam menunaikan amanah birrul walidain kepada kedua ibu bapa – berbakti, memaafkan, bersabar dan menyantuni, meskipun hati pernah dilukai.

Kisah-kisah dalam naskhah ini adalah cermin buat kita merenung kembali hubungan kita dengan ibu bapa – adakah kita benar-benar telah berlaku ihsan kepada mereka?

Di saat ramai mencari syurga yang jauh, penulis mengingatkan bahawa mungkin syurga itu sedang duduk di ruang tamu rumah kita sendiri.

"Berbakti tanpa tapi, meskipun pernah dilukai" – kerana berbuat baik kepada mereka adalah jalan menuju redha Illahi.

DIREKTORI PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN DAN DESA

PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JEMPOL

- 📍 72120 Bandar Seri Jempol, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: libraryjempol@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-458 5260



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN JELEBU

- 📍 Jalan Hj Rashid, 71600 Kuala Klawang, Jelebu, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pacjelebu@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-613 6175



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN P.DICKSON

- 📍 Lot 223, Jalan Baharu, Km 1, Jalan Pantai, 71000 Port Dickson, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pacportdickson@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-647 7677



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN REMBAU

- 📍 Jalan Batu Hampar, 71300 Rembau, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: pac_rembau@nslibrary.gov.my
- ☎ No. Telefon : 06-685 3302



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN K.PILAH

- 📍 Jalan Bukit 72000 Kuala Pilah, Negeri Sembilan.
- ✉ Email: packualapilah@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-481 1461



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN TAMPIN

- 📍 Jalan Kelab, 73000 Tampin, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pactampin@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 06-441 1289



PERPUSTAKAAN AWAM CAWANGAN GEMAS

- 📍 Jalan Tok Sulong, 73400 Gemas, Negeri Sembilan
- ✉ Email: pacgemas@gmail.com
- ☎ No. Telefon : 07-9482725

PERPUSTAKAAN AWAM DESA

Perpustakaan Desa Legong Ulu
Kg. Legong Ulu, 71350 Kota, Rembau, Negeri Sembilan.
Email: desa_legongulu@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 06-438 1120

Perpustakaan Desa Titian Akar
Kg. Titian Akar, 71150 Linggi, Negeri Sembilan.
Emel: desa_titianakar@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 06-696 6479

Perpustakaan Desa Kg. Rendah
Kg. Rendah Rembau, 71300 Rembau Negeri Sembilan.
Emel: desa_kgrendah@nslibrary.gov.my
No. Telefon: 013-605 5781

Perpustakaan Desa Felda Palong 7
73470 Pusat Bandar Palong, Negeri Sembilan
Emel: pdfeldapalong7@gmail.com
No. Telefon: 06-4646697

Perpustakaan Desa Kg. Talang
Kg. Talang, 71500 Tanjong Ipoh, Negeri Sembilan.
Emel: pdtalang1@gmail.com
No. Telefon: 011-20694430

Perpustakaan Desa Seri Menanti
Dewan Tuanku Ampuan Najihah 71550 Seri Menanti, Negeri Sembilan.
Emel: syazwanitajudin5512@gmail.com
No. Telefon: 06-4970133

Perpustakaan Desa Simpang Pertang
d/a Balai Penghulu, 72300 Simpang Pertang, Jelebu, Negeri Sembilan.
Emel: norliza.abuzaid@yahoo.com
No. Telefon: 06-4920073

Perpustakaan Desa Kg. Chennah
Kg. Chennah, 71650 Titi Jelebu, Negeri Sembilan.
Emel: pdchennah@gmail.com
No. Telefon: 06-6111058

Perpustakaan Desa Air Kuning Selatan
73200 Gemenceh, Negeri Sembilan.
Emel: pdaks.2001@gmail.com
No. Telefon: 06-447 8022

Perpustakaan Desa Jelai 4
Jelai 4, 73480 Gemas, Negeri Sembilan.
Emel: pdj4.pact@gmail.com
No. Telefon: 06-434 8973

Perpustakaan Awam Pekan Mantin
Jalan Sekolah 71700 Mantin, Negeri Sembilan.
Emel: hayatiismail1964@gmail.com
No. Telefon: 06-757 1315

Perpustakaan Awam Pekan Bahau
72100 Bahau, Negeri Sembilan.
Emel: librarybahau@gmail.com
No. Telefon: 06-4542036

Perpustakaan Tan Sri Abdul Kadir Yusuf
12 lot 15709, Tingkat bawah Jalan Bunga Raya 9, Pusat Perniagaan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan
Emel: ptp.abdulkadiryusuf.1@gmail.com
No. Telefon: 06-6791722

Perpustakaan Islam Masjid Negeri
Bangunan Masjid Negeri, Jalan Dato' Hamzah, 70000, Seremban.
Emel: pinsmasjidnegeri@yahoo.com.my
No. Telefon: 011- 2323 2868